



KOLEJ PROFESIONAL MARA
Ayer Molek, Melaka
KM 16, Jalan Tiang Dua
75460 AYER MOLEK
MELAKA.



Tel. : 06-2695 881 / 882
Faks : 06-2695 880
Laman Web : www.mara.gov.my

Ruj. Kami : KPMAM.700-1/1/1 (53)
Tarikh : 04 Jun 2026
12 Zulhijjah 1447

Pelajar Baharu KPM Ayer Molek,

TATACARA PEMBAYARAN DAN PENDAFTARAN BAGI PROGRAM PENGAJIAN DI KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) AYER MOLEK

Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa penawaran ke program pengajian di bawah Institusi Pendidikan MARA (IPMA) telah bermula pada 22 Mei 2026 melalui UPU, 25 Mei 2026 melalui SPUPI dan 29 Mei 2026 melalui MyEduloan MARA.
3. Sehubungan itu, dilampirkan tatacara pembayaran yuran pendaftaran dan infografik panduan pengesahan tarikan bagi rujukan pelajar. Pelajar juga perlu menyertai *WhatsApp group* dengan mengimbas QR yang diberikan mengikut program pengajian masing-masing.
4. Sekiranya ada sebarang persoalan, para pelajar boleh menghubungi:
 1. Puan Nor Rajwani binti Awang, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar
012-7406694 atau melalui e-mel rajwani.awang@mara.gov.my
 2. En Khairul Azwan bin Mat Amin, Kaunselor
012-929 5844 atau melalui e-mel azwan.amin@mara.gov.my
 3. Puan Nor Shadira binti Jamaluddin, Kaunselor
013 - 7796672 atau melalui e-mel shadira.jamaluddin@mara.gov.my

Perhatian dan kerjasama daripada semua pelajar berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

NOR RAJWANI BINTI AWANG
Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar
b/p Pengarah
Kolej Profesional MARA Ayer Molek,
Melaka

s.k.: Unit Hal Ehwal Pelajar KPMAM
JK Promosi dan Media KPMAM





**Program YTP MARA
Foundation In Accountancy
(FIA ACCA)**



**Program Diploma
DIA, DIA + DA, DIA + DA + SPHB,
DBS**



Program Pra Diploma

Tatacara Pembayaran Yuran Pendaftaran Melalui MARAeps bagi Program Pengajian Kolej Profesional MARA (KPM) Ayer Molek

Pelajar baharu yang menerima tawaran ke Kolej Profesional MARA (KPM) perlu membuat bayaran yuran pendaftaran melalui sistem MARAeps sebelum proses pendaftaran dilengkapkan. Pembayaran dibuat secara dalam talian melalui portal MARAeps.

Langkah 1: Daftar Akaun MARAeps

1. Layari portal MARAeps:

MARAeps Payment Portal (<https://bayar.maraeps.my>)

2. Daftar akaun pengguna baharu.

3. Masukkan:

- Nama penuh (Nama Pelajar SAHAJA)
- Nombor Kad Pengenalan (No Kad Pengenalan SAHAJA)
- Nombor telefon dan emel yang aktif

Langkah 2: Log Masuk Sistem

1. Log masuk menggunakan ID pengguna dan kata laluan yang telah didaftarkan.

2. Pastikan maklumat pelajar dipaparkan dengan betul.

Langkah 3: Pilih Menu Bayaran

1. Klik menu "Yuran & Fi".

2. Pilih kategori "Kolej Profesional MARA (KPM)".

3. Pilih kolej dan program pengajian yang ditawarkan.

- i. Diploma in Accounting (DIA)
- ii. Diploma in Accounting + Data Analytic (DIA + DA)
- iii. Diploma in Accounting + Data Analytic + Sijil Hafazan Bertahap (DIA + DA + SHBP)
- iv. Diploma in Bussiness Studies (DBS)
- v. Pra Diploma
- vi. YTP MARA (Foundation In Accountancy (FIA ACCA))

Langkah 4: Pilih Bil Pendaftaran

1. Klik pada menu "Daftar" atau "Pendaftaran".
2. Semak jumlah yuran yang perlu dibayar.
3. Pastikan maklumat program dan jumlah bayaran adalah tepat.

Langkah 5: Buat Pembayaran FPX

1. Pilih kaedah pembayaran FPX.
2. Pilih bank yang ingin digunakan.
3. Klik "Teruskan".
4. Sistem akan membawa anda ke laman perbankan internet bank pilihan.

Langkah 6: Sahkan Transaksi

1. Log masuk ke akaun perbankan internet.
2. Semak maklumat transaksi.
3. Masukkan TAC/OTP jika diperlukan.
4. Sahkan pembayaran.

Langkah 7: Simpan Resit

1. Setelah pembayaran berjaya, cetak atau simpan resit pembayaran.
2. Resit ini perlu dibawa atau dimuat naik semasa proses pendaftaran pelajar baharu.